

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Senarai nama-nama agensi yang terlibat dalam Program i-Sinar dan menteri-menteri yang dipertanggungjawabkan untuk pengagihan dan pemantauan program ini; dan
- (b) Apakah objektif dan sasaran utama Program i-Sinar. Apakah pencapaiannya sehingga kini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program i-Sinar merupakan salah satu program yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI). PPSMI ini dilaksanakan melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta. Pada peringkat awal PPSMI adalah di bawah kawal selia Unit Perancang Ekonomi, JPM. Walau bagaimanapun bermula tahun 2015 PPSMI telah diletakkan di bawah Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC), Jabatan Perdana Menteri. PPSMI bertujuan menyediakan program latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan, peningkatan pencapaian dalam pendidikan dan pembangunan sahsiah diri. Kumpulan sasar program ini adalah ibu tunggal, belia tercicir dan berisiko tinggi, pelajar-pelajar yang tercicir (*drop-out*) dan lain-lain kumpulan di bawah B40.
- (b) Program i-Sinar mula dilaksanakan pada tahun 2013. Sebanyak RM26 juta telah diperuntukkan iaitu RM6.5 juta pada 2013 dan RM19.5 juta pada tahun 2014. Program i-Sinar bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil luar bandar dan sekolah ladang yang mencatatkan kadar lulus dalam UPSR yang amat rendah, iaitu di bawah 50%.

Program ini (yang dimulakan pada tahun 2013) memberi fokus kepada pelajar tahun 3, 4, 5 dan 6. Matlamat program i-Sinar ini adalah untuk meningkatkan pencapaian para pelajar dalam UPSR serta

menambahbaik kemahiran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah Tamil. Negeri yang terlibat adalah Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Johor.

Pencapaian Program i-Sinar pada 2013 telah berjaya meningkatkan keputusan UPSR 2013 secara keseluruhan kepada 58.3 peratus kadar lulus untuk 15 buah sekolah berbanding 40.8% kadar lulus sebelum program i-Sinar dilaksanakan. Empat (4) buah sekolah telah mencatatkan peningkatan melebihi 30% kadar kelulusan berbanding sebelum menyertai program i-Sinar.

Pencapaian UPSR pada tahun 2014 pula telah mencatatkan peningkatan kepada 53.16% berbanding 40.48% pada tahun 2013. Sebanyak 26 sekolah mencatat kadar lulus melebihi 50% berbanding 6 sekolah pada tahun 2013 selepas program i-Sinar dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut. Sekolah yang mencatat kelulusan di bawah 50% telah menurun daripada 39 sekolah pada tahun 2013 kepada hanya 19 sekolah sahaja pada 2014.

Seramai 54 pelajar telah berjaya mendapat 7A dan 100 pelajar mendapat 6A dalam perperiksaan UPSR 2014. Seramai 1,486 pelajar i-Sinar yang mengambil UPSR pada tahun 2014. Program i-Sinar 2014 melibatkan 45 buah sekolah di seluruh negara yang melibatkan 4,633 pelajar.

Program i-Sinar dilaksanakan dengan menggunakan metodologi yang disesuaikan berasaskan latar belakang pelajar yang dipilih. Tumpuan khusus akan diberikan kepada para pelajar agar dapat meningkatkan perhatian dan minat dalam pelajaran. Selain itu peranan ibu bapa juga

diberi penekanan untuk memberi sokongan dan motivasi kepada anak-anak agar mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka. Program berkaitan ibu bapa diadakan bersama-sama dengan PIBG sekolah berkenaan. Daripada penilaian yang dibuat, kesedaran ibu bapa yang telah menyertai program ini semakin meningkat dan telah mula memberi motivasi dan perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka.

Sekian. Terima kasih.